

Saya terlalu muda untuk nasihatkan Dr. M

um-14/8/2006


KUANTAN 13 Ogos - Naib Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin tidak akan menasihatkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk berhenti membuat sebarang tuduhan terhadap kerajaan kerana merasakan dirinya terlalu muda untuk berbuat demikian.

Menurutnya, apa yang akan dilakukan ialah memberi penjelasan secara berterusan terhadap sebarang isu yang dibangkitkan dan terpujang kepada ahli-ahli UMNO membuat keputusan berdasarkan fakta yang diterima.

"Tidak patut Pemuda sebagai orang muda memberi sebarang penjelasan atau nasihat (kepada Dr. Mahathir)," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO Bahagian Paya Besar, di sini hari ini.

Menurut Khairy, kerajaan tidak dapat menghalang kritikan dan apa yang ingin dilakukannya ialah mempertahankan kepimpinan yang ada di samping memastikan UMNO terus kukuh serta kuat.

Ketika ditanya mengapa beliau mengambil tindakan menjawab isu-isu



KHAIRY JAMALUDDIN

yang berkaitan dengan kerajaan seperti isu Proton atau MV Agusta, bukan hanya yang melibatkan dirinya sahaja, Khairy berkata, perkara itu dilakukan kerana ia merupakan satu keperluan yang tidak dapat dielakkan pada masa ini.

"Sebahagian besar ahli UMNO memerlukan penjelasan dan Pemuda UMNO akan bercakap berdasarkan fakta sebenar," katanya.

Khairy menegasakan, sebagai Naib Ketua Pemuda UMNO, beliau akan

terus memberi penjelasan menghubungkan semua tuduhan yang dilemparkan walaupun jika hanya tinggal 10 peratus sahaja ahli yang mahukan penjelasan.

Mengenai kenyataan Exco Pemuda UMNO, Datuk Mukhriz Mahathir bahawa empat persoalan yang ditimbulkan oleh Dr. Mahathir perlu dijawab, Khairy berkata hal itu sebenarnya sudah dijawab berkali-kali.

"Jangan kita jadi anjing yang menyalak bukit, menyalak punya menyalak bukit tetap macam itu," katanya.